



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PROSIDING PAC MENGENAI PICK

Pagi tadi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menghadiri Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Perolehan Vaksin COVID-19 dan Penggunaannya Kepada Rakyat Malaysia.

Prosiding selama kira-kira tiga jam berkenaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Wong Kah Woh serta dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa tersebut.

Sesi itu memberi peluang kepada MOSTI yang diketuai Menteri, Yang Berhormat Khairy Jamaluddin dan pengurusan tertinggi kementerian termasuk Ketua Setiausaha, Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Pada prosiding tadi, MOSTI telah memberi penerangan tentang perkembangan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan butiran perbelanjaan bagi pelaksanaannya.

MOSTI bersedia untuk memberikan penerangan berterusan kepada PAC sehingga tamat pelaksanaan PICK.

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 JULAI 2021**